

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

SOALAN :

YB Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pesara yang menerima bayaran wang persaraan bulanan dari Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengikut kategori penerimaan wang setiap bulan iaitu RM500 ke bawah, RM501 ke RM1000, RM1001 ke RM2000, RM2001 ke RM3000 dan RM3000 ke atas.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) tidak menguruskan pemberian faedah persaraan kepada pesara-pesara tentera secara bulanan.

Bagi pesara tentera, urusan pembayaran wang pesara bulanan dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Angkatan Tentera Malaysia. Bagi pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, bekas hakim, bekas ahli parlimen dan anggota pentadbiran dan bekas setiausaha politik urusan pembayaran dilaksanakan oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sekian. Terima kasih.